

| | | | |
|------------|-------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pecutan ke garisan penamat 5A | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 May 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 314,000 |
| Page No | 15 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 583 cm ² |
| Journalist | Syuhada Choo Abdullah | AdValue | RM 20,097 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 60,290 |



Pecutan ke garisan penamat 5A

» Calon UPSR perlu pertingkat usaha, manfaatkan tip untuk cemerlang

Zurita bergambar kenangan bersama-sama peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 anjuran Kelab TaHa dengan kerjasama BH.
(FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ / BH)

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bh.com.my

Putrajaya

Calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) perlu memacu langkah 'pecutan terakhir' dengan meningkatkan usaha bersungguh-sungguh untuk bersedia menghadapi peperiksaan itu, September depan.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Wilayah Persekutuan, Zurita Ahmad Raffie, berkata calon wajar memanfaatkan segala tip kecemerlangan diperolehi, termasuk melalui Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 anjuran Kelab TaHa dengan kerjasama BH.

Beliau berkata, bimbingan diberikan oleh penceramah pakar pada seminar itu berupaya membantu peserta mencapai sasaran

'garisan penamat 5A' dalam keputusan UPSR kelak.

"Rebutlah peluang mendapatkan tip berguna daripada penceramah, sekali gus melakukan ulang kaji dan banyak latih tubi. Inilah masa untuk membuat pecutan terakhir, jangan toleh ke belakang lagi.

Amalkan pendekatan 'DUIT'

"Gunakanlah segala taktik diperolehi untuk menjawab soalan dengan berkesan dalam peperiksaan UPSR nanti," katanya ketika berucap merasmikan seminar berkenaan di Sekolah Sultan Alam Shah di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengerus TH Putrajaya, Rasali Ghani; Pengarah Berita Pendidikan BH,

Ridzuan Yop dan Pegawai Kerani Pemasaran TH Putrajaya, Rosli Abdul Samad.

Sambil menyifatkan peserta sebagai bertuah kerana terpilih menghadiri seminar itu, Zurita berkata, adalah penting untuk calon mengamalkan pendekatan 'doa, usaha, ikhtiar dan tawakal' (DUIT) ke arah melakar kecemerlangan.

Beliau turut berkongsi pengalaman peribadi membawa Nur Aliah Nabilah Mohamad Azmi menyertai seminar sama di Kuala Lumpur, tahun lalu, yang berjaya membantu anaknya itu mencatat keputusan 5A dalam UPSR dan kini berada dalam Tingkatan Satu di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Langkawi.

"Saya percaya anda semua juga mahu memperoleh keputusan cemerlang dalam UPSR nanti, justeru tanamlah semangat untuk mendapatkan 5A," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada BH atas kerjasama merealisasikan pengunjuran seminar berkenaan.

Penuhi permintaan tinggi

Rosli ketika ditemui pula berkata, ini adalah julung kali Kelab TaHa dengan kerjasama BH menganjurkan Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR di Putrajaya selepas pernah mengadakan program sama bagi calon Pemilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau berkata, kira-kira 300



Mohamad Khairi Ahmad Adzhar

peserta dari Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya Presint 8 (1) dan (2), SK Putrajaya Presint 9 (1) dan (2), SK Putrajaya Presint 14 (1), serta SK Putrajaya Presint 16 (1) dan (2) menghadiri seminar sehari berkenaan.

"Penganjuran ini sekali gus dapat memenuhi permintaan tinggi daripada pihak ibu bapa dan sekolah di sini. Mereka ternyata gembira dengan peluang penyertaan dalam seminar ini," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Program UPSR yang juga guru subjek Bahasa Melayu di SK Putrajaya Presint 8 (1), Mohamad Khairi Ahmad Adzhar, berharap pengunjuran seminar berkenaan akan diteruskan di Putrajaya pada masa depan.

"Ilmu pengetahuan yang diperolehi dapat membantu meningkatkan pemahaman dan prestasi calon. Saya berharap seminar fasa kedua akan diadakan di sini menjelang peperiksaan UPSR nanti untuk memantapkan persiapan akhir mereka," katanya.



Peserta memberi tumpuan kepada bimbingan penceramah.